

BAB KEEMPAT

DATA DAN ANALISA MENGENAI KEFAHAMAN DAN  
PENGAMALAN MASYARAKAT TERHADAP PERANCANG KELUARGA

Penulis telah menggunakan method temubual tanpa arah, soalselidik dan juga observasi untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan bab ini. Bagaimanapun, kebanyakan maklumat adalah berdasarkan kepada jawaban-jawaban para responden yang terlibat dengan soalselidik.

Jumlah responden soalselidik secara keseluruhannya ialah seramai 45 orang. Seramai 24 orang daripada jumlah ini adalah berusia dalam lingkungan umur 41 - 60 tahun manakala bakinya seramai 21 orang adalah berusia di bawah 40 tahun. Untuk memudahkan tugas penganalisaan, penulis telah membahagikan maklumat-maklumat berkenaan kepada beberapa kategori yang berupa tajuk-tajuk pokok. Berikut ini dikemukakan maklumat-maklumat yang telah diperolehi beserta analisisnya sekali.

#### 4.1 Pengetahuan Dan Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Perancang Keluarga.

Dalam konteks ini, penulis ingin mengetahui setakat mana kepekaan masyarakat Islam, secara khususnya kaum wanita di Felda Soeharto terhadap isu perancang keluarga dan sejauh mana pula kefahaman mereka tentang konsep perancang keluarga itu sendiri.

Hasil tinjauan yang dibuat melalui soalselidik menunjukkan bahawa pada dasarnya, masyarakat Islam khususnya kaum wanita baik yang muda maupun yang tua, telah sedar dan peka terhadap isu perancang keluarga. Ini jelas kerana 100 % responden yang terlibat menyatakan bahawa mereka pernah mendengar tentang perancang keluarga. Pada hemat penulis, hal ini bukanlah mustahil memandangkan hari ini sudah wujud kemajuan pesat di bidang komunikasi dan perhubungan serta peningkatan dalam aspek kesihatan, taraf hidup, pendidikan dan sebagainya yang mana kesemuanya menjadi faktor tersebarluasnya pelbagai jenis maklumat termasuklah maklumat tentang perancang keluarga kepada orangramai.

Dewasa ini, maklumat tentang perancang keluarga boleh didapati melalui berbagai-bagai sumber atau media. Bagi kaum wanita yang tinggal di Felda Soeharto khususnya, maklumat tentang perancang keluarga pada amnya diperolehi melalui penerangan doktor atau jururawat kesihatan sendiri, melalui bahan-bahan bacaan, melalui interaksi dengan rakan-rakan dan juga melalui ceramah. Dalam konteks ini, peratus mereka yang mendapat maklumat tentang perancang keluarga melalui setiap sumber atau media berkenaan ditunjukkan di dalam jadual 1 berikut.

Jadual 1 : Peratusan Mereka Yang Mendapat Maklumat Tentang Perancang Keluarga Mengikut Jenis sumber.

Sumber maklumat	Bilangan Responden	Peratus (%)
a. Bahan bacaan	8	17.78
b. Rakan-rakan	6	13.33
c. Doktor/jururawat	38	84.44
d. Ceramah	1	2.22

Berdasarkan fakta di atas, secara tidak langsung dapat dibuat kesimpulan bahawa peranan doktor atau jururawat dalam menyampaikan maklumat tentang perancang keluarga kepada kaum wanita disini adalah lebih dominan jika dibandingkan dengan peranan yang dimainkan oleh lain-lain sumber atau media.

Melihat kepada sudut kefahaman tentang konsep perancang keluarga, secara amnya didapati bahawa kebanyakan mereka mempunyai tanggapan yang positif dan tepat atau paling tidak tanggapan yang tidak lari daripada konsep sebenar perancang keluarga. Peratus mereka ini pada keseluruhannya adalah sebanyak 88.8 % ( 44.4 % + 44.4 % ). Dalam pada itu, terdapat segelintir wanita yang tidak faham samasekali tentang konsep perancang keluarga malah tidak kurang ada yang salah tanggap dengan menyangka bahawa perancang keluarga itu membawa pengertian berhenti daripada melahirkan anak. Untuk

penjelasan, sila lihat jadual di bawah.

Jadual 2 : Konsep Perancang Keluarga

Menurut Kefahaman Masyarakat.

Konsep Perancang Keluarga	Bil.	%
a. Perancang keluarga bererti merancang bilangan anak sesuai dengan keadaan kesihatan ibu serta keadaan osial dan ekonomi keluarga.	20	44.4
b. Perancang keluarga bererti menjarangkan kelahiran.	20	44.4
c. Perancang keluarga bererti berhenti melahirkan anak.	1	2.2
d. Perancang keluarga bererti menghadkan bilangan anak (misalnya setakat dua atau tiga orang sahaja).	-	-
e. Tidak faham langsung tentang perancang keluarga.	4	8.9
<b>Jumlah</b>	<b>45</b>	<b>99.9</b>

Menyentuh perihal pengetahuan masyarakat tentang hukum perancang keluarga, nampaknya boleh dikatakan bahawa kebanyakan mereka arif tentang kedudukan perancang keluarga di segi Islam. Penuis membuat tanggapan demikian berdasarkan tinjauan yang telah dibuat melalui soalselidik di mana 56 % daripada keseluruhan responden menyatakan bahawa perancang keluarga adalah harus di sisi Islam. Dalam pada itu, jumlah mereka yang tidak mengerti samasekali

tentang hukum perancang keluarga dan yang beranggapan bahawa perancang keluarga itu haram adalah agak ramai juga. Dalam konteks ini, mereka yang jahil tentang hukum perancang keluarga berjumlah sebanyak 24 % manakala mereka yang beranggapan bahawa perancang keluarga itu haram pula adalah berjumlah sebanyak 18 %. Sementara itu ada juga di kalangan masyarakat yang beranggapan bahawa perancang keluarga itu makruh. Bincian terperinci berhubung hal ini boleh dilihat melalui jadual 3 berikut.

Jadual 3 : Pandangan Masyarakat Tentang

Hukum Perancang Keluarga.

Hukum Perancang Keluarga	Bil.	%
a. Harus	25	56
b. Makruh	1	2
c. Haram	8	18
d. Tidak tahu	11	24
Jumlah	45	100

Menurut perhatian penulis, anggapan-anggapan yang berlainan tentang hukum perancang keluarga ini memberi pengaruh kepada sikap dan reaksi mereka terhadap amalan perancang keluarga itu sendiri. Ini kerana mereka yang beranggapan bahawa perancang keluarga itu haram nampaknya memang tidak setuju dan tidak mahu samasekali mengamalkan perancang keluarga.

#### 4.2 Pandangan Dan Sambutan Masyarakat Terhadap Perancang Keluarga.

Apa yang penulis ingin paparkan di sini ialah tentang sikap dan reaksi masyarakat setempat terhadap amalan perancang keluarga. Hasil soalselidik, penulis mendapati bahawa majoriti kaum wanita bersikap positif terhadap amalan perancang keluarga. Ini ternyata kerana 60 % daripada mereka telah menyatakan bersetuju terhadap perancangan keluarga berbanding hanya 40 % sahaja yang menyatakan sebaliknya. (Sila rujuk jadual 4)

Jadual 4 : Sikap Masyarakat Terhadap Amalan  
Merancang Keluarga.

Sikap Terhadap Perancang Keluarga	Bil.	%
a. Bersetuju	27	60
b. Tidak bersetuju	18	40
Jumlah	45	100

Mereka yang bersetuju dengan amalan merancang keluarga umumnya memberi alasan bahawa perancang keluarga adalah baik untuk tujuan menjamin kesempurnaan penjagaan anak-anak, untuk memberikan kerehatan dan menjamin kesihatan ibu serta untuk menjamin kebahagiaan keluarga. Di sebaliknya, mereka yang tidak bersetuju, antara lainnya memberi alasan bahawa amalan merancang keluarga boleh menyentuh penyakit, perancang keluarga bercanggah dengan hukum syariah

puk, anak adalah satu rahmat yang besar dan setiap anak ada rezeki-nya, dan merancang keluarga itu bererti membunuh zuriat.

Dari sudut sambutan terhadap perancang keluarga pula, didapati bahawa sambutan yang ditunjukkan adalah agak menggalakkan. Ini terbukti kerana 57.8 % daripada mereka didapati masih atau paling kurang pernah mengamalkan perancang keluarga berbanding hanya 42.2 % sahaja yang belum atau tidak pernah mengamalkannya. (Sila lihat jadual 5)

Jadual 5 : Sambutan Masyarakat Terhadap Perancang Keluarga.

Taraf Pengamalan	Bil.	%
a. Pernah / masih mengamalkan perancang keluarga.	26	57.8
b. Belum / tidak pernah mengamalkan perancang keluarga.	19	42.2
Jumlah	45	100

Merujuk kepada jadual 4 dan 5 tadi, mungkin akan timbul pertanyaan, mengapa ada percanggahan di antara peratus mereka yang bersetuju terhadap perancang keluarga dengan peratus mereka yang mengamalkannya dan disebaliknya, mengapa ada percanggahan di antara peratus yang tidak bersetuju dengan peratus mereka yang tidak mengamalkannya. Jawabannya tidaklah begitu sukar untuk difikirkan kerana apa yang jelas, persoalan bersetuju atau tidak dan persoal-

ap hendak mengamalkan perancang keluarga atau sebaliknya, adalah dua persoalan yang berlainan. Apa yang penulis ingin maksudkan di sini, bukan semua orang yang bersetuju itu mesti mengamalkan perancang keluarga dan sebaliknya, bukan semua yang tidak bersetuju itu tidak pernah terlibat dengan amalan tersebut. Suatu hal yang dapat diperhatikan, mereka yang tidak bersetuju tetapi dalam masa yang lain pernah juga mengamalkan perancang keluarga, besar kemungkinan bersikap demikian akibat pengalaman kurang baik yang mereka alami setelah mengamalkan perancang keluarga beberapa ketika sebelumnya. Penulis membuat kesimpulan demikian berdasarkan alasan yang mereka kemukakan bagi menyokong pendirian mereka, umpamanya mereka mengatakan bahawa perancang keluarga mendatangkan penyakit. Untuk melihat dengan lebih jelas kedudukan dua persoalan yang sedikit bertindih itu, sila perhatikan jadual berikut.

Jadual 6 : Sikap Dan Pengamalan Terhadap Perancang Keluarga.

Sikap Dan Pengamalan	Bil.	%
a. Bersetuju serta pernah / masih mengamalkan perancang keluarga.	23	51.1
b. Bersetuju tetapi belum / tidak pernah mengamalkan perancang keluarga.	4	8.9
c. Tidak bersetuju tetapi pernah mengamalkan perancang keluarga.	3	6.7
d. Tidak bersetuju serta belum / tidak pernah mengamalkannya.	15	33.3
<b>Jumlah</b>	<b>45</b>	<b>100</b>

Berbalik kepada perbincangan tentang bantuan peratus ke atas mereka yang mengamalkan perancang keluarga, ingin penulis tegaskan bahawa kiraan yang dibuat adalah semata-mata berdasarkan maklumat yang dicatat oleh responden-responden soalselidik dalam borang-borang berkenaan. Penyelidikan yang lebih terperinci melalui interaksi temubual secara mendalam, barangkali akan menemukan kadar peratusan yang lebih tinggi disegi pengamalan perancang keluarga. Penulis membuat andaian demikian kerana hasil temubual dengan beberapa orang wanita menunjukkan bahawa ada di antara mereka yang mempunyai fahaman yang rigid dan sempit terhadap perancang keluarga - perancang keluarga dikaitkan khusus kepada penggunaan kaedah kontraseptif moden sahaja. Bagaimanapun, bilangan mereka yang sedemikian adalah kecil.

Menyentuh tentang pengamalan perancang keluarga di kalangan kaum wanita yang terbabit, penulis perhatikan bahawa kecenderungan untuk merancang keluarga bagi mereka yang berusia di bawah 40 tahun, lazimnya bermula selepas mereka melahirkan satu atau dua orang anak. Manakala di kalangan wanita yang berusia 40 tahun ke atas, didapati bahawa kecenderungan untuk merancang keluarga secara puratanya hanya bermula setelah mereka berjaya melahirkan anak sekurang-kurangnya empat atau lima orang. Menurut hemat penulis, hal ini ada pertaliananya dengan sejarah perkembangan perancang keluarga di negara kita, ciri-ciri budaya masyarakat, taraf pendidikan dan norma-norma agama yang bertapak di dalam diri mereka sendian

ri. Pada amnya, kaum wanita yang tinggal di luar bandar (termasuk kawasan perkampungan Felda) pada peringkat awal program perancang keluarga dilancarkan secara rasmi, belum begitu terdedah kepada aktiviti perancang keluarga. Taraf pendidikan yang agak rendah serta fahaman agama dan budaya 'ramai anak' yang diwarisi sejak turun temurun sedikit-sebanyak mempengaruhi reaksi mereka terhadap perancang keluarga. Justeru itu, tidak hairanlah kalau generasi ibu di peringkat ini hanya mahu merancang keluarga setelah punya empat, lima atau enam orang anak. Keadaan ini berbeza daripada apa yang berlaku pada zaman generasi ibu yang berikutnya. Generasi wanita yang berikutnya yakni generasi ibu-ibu muda hari ini hatta mereka yang tinggal di luar bandar, awal-awal lagi telah terdedah luas kepada aktiviti perancang keluarga. Dalam pada itu taraf pendidikan telah meningkat dan budaya masyarakat turut mengalami arus perubahan. Lantaran itu kita lihat ramai di antara generasi muda kaum wanita yang tertarik dengan perancang keluarga, mula mengamalkannya sebaik sahaja mereka memperolehi satu atau dua orang anak.

Jika dinilai dari segi kadar pengamalan perancang keluarga menurut kumpulan umur mereka yang terlibat (maksud penulis kumpulan yang berumur 40 tahun keatas dan kumpulan yang berumur di bawah 40 tahun) maka secara relatifnya, didapati bahawa peratus mereka yang mengamalkan perancang keluarga adalah lebih tinggi di kalangan yang berumur kurang 40 tahun berbanding peratus mereka yang m-

an yang berumur kurang 40 tahun berbanding peratus mereka yang me-  
rancang keluarga dari kalangan kumpulan umur sebaliknya. Sehubung-

an dengan ini, didapati bahawa di kalangan mereka yang berumur kurang 40 tahun, peratus yang mengamalkan perancang keluarga adalah satu kali ganda mereka yang tidak mengamalkannya. Jelasnya kira-kira 66.7 % daripada mereka mengamalkan perancang keluarga berbanding hanya kira-kira 33.3 % yang tidak mengamalkannya. Sementara di kalangan mereka yang berumur lebih 40 tahun, peratus yang mengamalkan perancang keluarga didapati sama sahaja dengan peratus yang tidak mengamalkannya, jelasnya nisbah di antara kedua-dua pihak adalah 50 : 50. Untuk penjelasan lanjut, lihat jadual 7 dan 8.

Jadual 7 : Kadar Pengamalan Perancang Keluarga Dan Sebaliknya  
Di Kalangan Wanita Berumur Kurang 40 Tahun.

Taraf Pengamalan Perancang Keluarga	Bil.	%
a. Pernah / masih mengamalkannya.	14	66.7
b. Belum / tidak pernah mengamalkannya.	7	33.3
Jumlah	21	100

Jadual 8 : Kadar Pengamalan Perancang Keluarga Dan Sebaliknya  
Di Kalangan Wanita Berumur 40 Tahun Keatas.

Taraf Pengamalan Perancang Keluarga	Bil.	%
a. Pernah / masih mengamalkannya	12	50
b. Belum / tidak pernah mengamalkannya.	12	50
Jumlah	24	100

Dalam konteks pengamalan perancang keluarga ini juga penulis dapati bahawa 54 % daripada mereka yang terbabit mengamalkan perancang keluarga setelah mendapat syor dan nasihat daripada doktor atau jururawat kesihatan terlebih dahulu. Manakala 46 % pula mengamalkannya atas pilihan dan kesedaran diri mereka sendiri. (Lihat jadual 9 )

Jadual 9 : Pengamalan Perancang Keluarga Mengikut Pilihan Sendiri Atau Syor Doktor / Jururawat.

Pengamalan Perancang Keluarga : Pilihan Sendiri Atau Syor Doktor / Jururawat	Bil.	%
a. Mengikut pilihan sendiri	12	46
b. Mengikut syor doktor / jururawat	14	54
Jumlah	26	100

Fakta ini menunjukkan kepada kita bahawa kakitangan kesihatan memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam usaha menggalakkan pengamalan perancang keluarga di kalangan masyarakat. Sehubungan dengan ini, penulis difahamkan bahawa pihak doktor atau jururawat setempat khususnya, akan sentiasa memeriksa dari masa ke semasa rekod-rekod mereka yang menjalani rawatan. Jika didapati seseorang wanita itu mengalami masalah kesihatan, kelahiran yang kerap dan rapat-rapat ataupun siwanita agak berumur dan tidak sesuai untuk hamil maka doktor atau jururawat akan mengesyorkannya agar merancang keluarga. Bagaimanapun, keputusan muktamad adalah di tangan wanita itu sendiri.<sup>1</sup>

Mereka yang belum atau tidak pernah mengamalkan perancang keluarga, umumnya menunjukkan sambutan yang begitu dingin terhadap perancang keluarga. Dalam hubungan ini, penulis dapati bahawa para wanita yang masih berpotensi melahirkan anak rata-rata menyatakan hasrat untuk terus tidak mengamalkan perancang keluarga. Disebaliknya, hanya sebilangan kecil sahaja di antara mereka yang bersikap agak terbuka dalam masalah ini. Bagi mereka ini, ada kemungkinan perancang keluarga akan diamalkan jika keadaan kesihatan atau ekonomi rumah tangga memerlukan mereka berbuat demikian.

Lebih dari itu, sikap dingin sesetengah mereka terhadap perancang keluarga boleh dilihat melalui keengganan mereka berbuat demikian sekalipun doktor atau jururawat mengesyorkannya atas sebab-sebab kesihatan dan faktor kelahiran yang terlalu rapat serta kerap. Bermacam-macam komen telah dikemukakan berhubung amalan perancang keluarga. Di antaranya ada komen-komen yang positif namun dari segi keseluruhan, lebih banyak yang bersifat negatif. Komen-komen yang positif antara lainnya menyebut bahawa perancang keluarga adalah baik tetapi seeloknya biarlah diamalkan oleh ibu-ibu yang betul-betul memerlukan, dan perancang keluarga baik untuk menjarangkan kelahiran tetapi terpulanglah kepada individu sama ada hendak merancang keluarga atau sebaliknya. Menyentuh tentang komen-komen yang negatif, antara lainnya disebut bahawa perancang keluarga tidak seharusnya diamal dan digalakkan kepada umat Islam, perancang keluarga akan mendatangkan penyakit dan kemudarat pada

kemudian hari, dan merancang keluarga seolah-olah menolak pemberian Allah kerana anak yang ramai adalah satu pemberian Allah yang besar.

#### 4.3 Sebab-sebab Perancang Keluarga Diamalkan Dan Sebaliknya.

Untuk mendapatkan maklumat tentang apakah sebab-sebab yang mendorong seseorang individu itu mengamalkan perancang keluarga, penulis telah menggunakan satu skalan kajiselidik yang mengandungi beberapa kenyataan andaian untuk dipilih sebagai jawaban. Hasil kajian yang dibuat menunjukkan bahawa ada tiga sebab mengapa perancang keluarga diamalkan oleh wanita yang terbabit.

Dalam konteks ini, terdapat hanya kira-kira 11.5 % mereka yang mengamalkan perancang keluarga atas sebab mengidap penyakit yang memudaratkan. Yang lainnya, rata-rata mengamalkan perancang keluarga untuk tujuan menjarangkan kelahiran. Dari segi peratusnya, jumlah mereka adalah sebanyak 84.6 %. Selain daripada itu, ada juga pihak yang mengamalkan perancang keluarga atas sebab hendak menjaga kecantikan dan bentuk badan. Hakikatnya alasan seperti ini adalah tidak munasabah di segi Islam. walau macam manapun, golongan yang berbuat demikian adalah kecil sahaja bilangannya iaitu lebih kurang 3.8 %. (Lihat jadual 10)

Jadual 10 : Sebab-sebab Pengamalan Perancang Keluarga.

<u>Sebab Pengamalan</u>	<u>Bil.</u>	<u>%</u>
a. Mengidap penyakit yang memudaratkan.	3	11.5
b. Tidak mampu memelihara anak-anak yang ramai.	-	-
c. Untuk menjarangkan kelahiran.	22	84.6
d. Untuk menjaga kecantikan dan bentuk badan.	1	3.8
e. Enggan beranak lagi.	-	-
f. Iain-lain.....	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>99.9</b>

Setelah mengetahui sebab-sebab yang mendorong sesetengah pihak mengamalkan perancang keluarga, penulis ingin melihat apakah pula sebab-sebab yang menyebabkan sesetengah pihak lainnya tidak mahu berbuat demikian. Hasil tinjauan yang dibuat, penulis dapati ada tiga sebab pokok mengapa mereka yang berkenaan tidak mengamalkan perancang keluarga. Pertamanya, Islam tidak menggalakkan perancang keluarga. Keduanya kerana mereka yang berkenaan lebih suka mempunyai ramai anak dan ketiganya kerana suami tidak mengizinkan siisteri mengamalkan perancang keluarga.

Dalam konteks ini, mereka yang belum atau tidak pernah mengamalkan perancang keluarga masing-masing mempunyai alasan tersendiri mengapa mereka berbuat demikian. Ada di antara mereka yang ti-

tidak mengamalkan perancang keluarga atas satu atau dua sebab tertentu sahaja dan ada juga di antara mereka yang tidak mengamalkannya atas ketiga-tiga sebab sekaligus. Namun apa yang pasti, alasan bahawa Islam tidak menggalakkan perancang keluarga dan alasan lebih suka ramai anak adalah dua perkara penting yang mendorong kebanyakan mereka untuk tidak mengamalkan perancang keluarga. Semenara alasan 'suami tidak mengizinkan' pada amnya, bukanlah isu penting dalam masalah ini kerana ia hanya melibatkan segelintir kecil sahaja di kalangan mereka. Untuk penjelasan, sila lihat jadual 11.

**Jadual 11 : Sebab-sebab Tidak Mengamalkan Perancang Keluarga Mengikut Pendapat Mereka Yang Belum / Tidak Pernah Mengamalkannya.**

<u>Sebab Tidak Mengamalkannya</u>	<u>Bil.</u>	<u>%</u>
a. Lebih suka mempunyai ramai anak.	10	52.63
b. Suami tidak mengizinkan siisteri mengamalkan perancang keluarga.	2	10.53
c. Islam tidak menggalakkan perancang keluarga.	11	57.89

#### 4.4 Kaedah-kaedah Perancang Keluarga Yang Digunakan.

Dalam konteks ini, penulis cuba menyelidiki apakah agaknya kaedah-kaedah perancang keluarga yang digunakan oleh mereka yang

mengamalkan perancang keluarga untuk mencapai tujuan tersebut.

Daripada kajian yang dibuat, didapati bahawa kaedah-kaedah perancang keluarga yang digunakan oleh kaum wanita yang terbabit antara lainnya adalah memakan pil kontraseptif, memakan ubat tradisional dan menggunakan cara 'berurut'. Ditinjau dari segi kedudukan atau tahap penggunaan setiap jenis kaedah berkenaan, didapati bahawa kaedah memakan pil kontraseptif menduduki tempat pertama di mana jumlah penggunaannya mencakupi sebanyak lebih kurang 89.3 % daripada keseluruhan kaedah yang digunakan. Ini menunjukkan bahawa kaedah ini adalah yang paling popular di kalangan kaum wanita yang mengamalkan perancang keluarga di sini.

Kaedah perancang keluarga menggunakan ubat-ubatan tradisional (sebagai contoh; memakan majun, jamu dan meminum air akar-akar kayu) nampaknya tidak popular dewasa ini kerana tahap penggunaannya didapati hanya kira-kira 7.1 % sahaja. Cara 'berurut' pada hakikatnya, adalah merupakan salah satu kaedah perancang keluarga tradisional. Walau macam manapun, kaedah ini amat jarang sekali ditradisional. Amalkan di mana tahap penggunaannya didapati hanya sebanyak 3.6 % daripada keseluruhan kaedah yang digunakan. (Sila lihat jadual 12)

Jadual 12 : Kaedah-kaedah Perancang Keluarga Yang  
 Digunakan Oleh Para Wanita Terbabit  
 Mengikut Senarai Keutamaan.

<u>Jenis Kaedah</u>	<u>Bilangan Kekerapan</u>	<u>%</u>
a. Pil kontraseptif.	25	89.3
b. Ubat-ubatan tradisional.	2	7.1
c. Cara 'berurut'	1	3.6
<b>Jumlah</b>	<b>28</b>	<b>100</b>

Terjadinya hal yang demikian bukanlah suatu yang perlu dihairankan. Dewasa ini, ramai di kalangan masyarakat sudah kurang berminat dengan cara perancang keluarga tradisional. Apatah lagi dengan adanya kaedah perancang keluarga yang lebih sofistikated misalnya pil kontraseptif maka mereka lantas beralih kepada penggunaan kaedah tersebut.

Kaedah pil kontraseptif begitu popular memandangkan ianya agak mudah diguna dan banyak didapati di mana-mana. Di Felda Soeharto khususnya, mereka yang berkehendakkan pil tersebut boleh datang sendiri mendapatkannya di pusat kesihatan yang ada di tempat ini ataupun di pusat-pusat kesihatan lainnya.

Kaedah-kaedah perancang keluarga lainnya seperti alat IUD, 'tubal ligation' dan 'sterilization' nampaknya tidak mendapat tempat di kalangan pengamal perancang keluarga di sini. Bagaimanapun,

pengalaman penulis membuktikan bahawa terdapat juga kaedah lain yang digunakan misalnya kaedah 'tubal ligation' (mengikat saluran peranakan). Namun golongan yang menggunakan kaedah ini barangkali adalah terlalu kecil bilangannya sehingga sukar dikenalpasti, tambahan pula mereka sendiri mungkin tidak faham dan tidak menganggap bahawa tatacara tersebut adalah tergolong di dalam kategori perancang keluarga.

Bagi mereka yang mengamalkan perancang keluarga, masing-masing mempunyai alasan tersendiri mengapa mereka memilih sesuatu kaedah perancangan. Bagi yang mengamalkan cara tradisional, mereka percaya bahawa di samping lebih selamat, penggunaan cara tersebut juga dapat menolong menguatkan tubuh badan. Bagi yang mengamalkan kaedah pil kontraseptif pula, ada yang mengatakan bahawa mereka menggunakan cara itu atas syor doktor atau jururawat, ada yang menggunakan cara itu atas alasan senang didapati dan mudah digunakan, ada yang menggunakannya atas alasan ianya lebih terjamin dan selamat untuk digunakan dan tidak kurang ada yang menggunakannya atas alasan sesuai dan serasi dengan tubuh. Walau macam manapun, apa yang lebih pasti dan ketara, hal ini berlaku kerana pil kontraseptif sememangnya mudah didapati dan agak mudah digunakan.

Tinjauan yang dibuat berdasarkan borang kajiselidik juga menunjukkan bahawa pihak lelaki (suami) tidak terbabit sama di dalam aktiviti merancang keluarga. Ini jelas kerana kesemua responden

terbabit menyatakan demikian. Bagaimanapun, sejauh mana kenyataan ini benar untuk digeneralisasikan, adalah suatu yang masih boleh dipertikaikan. Penulis berkata demikian kerana hasil temubual dengan seorang jururawat kesihatan di tempat ini menunjukkan bahawa terdapat juga penggunaan kaedah perancang keluarga oleh pihak lelaki. Ini terbukti kerana ada mereka yang terbabit datang ke pusat kesihatan di sini untuk mendapatkan sarung 'kondom'. Untuk tujuan tersebut, adakahnya pihak suami sendiri yang datang namun dalam kebanyakan hal, pihak isterilah yang berbuat demikian - mungkin si suami merasa segan kerana yang menjaga bahagian itu adalah jururawat wanita.<sup>2</sup>

#### 4.5 Peranan Pusat Kesihatan Setempat Dalam Konteks Perancangan Keluarga.

Melalui temubual dengan jururawat yang sama, penulis difahamkan bahawa pinak Pusat Kesihatan Besar di Felda Soeharto ini memainkan peranan dalam konteks perancangan keluarga di kalangan masyarakat setempat. Untuk tujuan tersebut, Bahagian Klinik Kesihatan Ibu Dan Kanak-kanak Pusat Kesihatan Besar ini dibuka dua kali seminggu iaitu pada hari Selasa dan Rabu. Amnya, ceramah, nasihat ataupun penerangan khas untuk ibu-ibu berkaitan kesihatan ibu dan kanak-kanak termasuk juga perancang keluarga diadakan pada hari-hari tersebut.

Ceramah, masihat ataupun penerangan itu lazimnya akan diperdengarkan kepada beberapa orang ibu yang datang mendapatkan rawatan. Biasanya, mereka yang akan diberi penerangan adalah mereka yang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Khidmat nasihat tentang perancang keluarga juga ada dibuat ke rumah-rumah khususnya kepada ibu-ibu yang baru bersalin atau yang mempunyai anak kecil. Di samping itu, ada juga segelintir wanita yang meminta sendiri nasihat tentang perancang keluarga melalui talipon.

Jururawat kesihatan amnya, akan mengesyorkan perancang keluarga kepada ibu-ibu yang difikirkan wajar berbuat demikian misalkan ibu-ibu yang menghadapi masalah kesihatan, ibu-ibu yang berajak terlalu kerap serta rapat, ibu-ibu yang ada penyakit merbahaya dan ibu-ibu yang lewat usia (maksudnya yang berusia lebih dari 40 tahun). Bagaimanapun, mereka tidak berhak memaksa ibu-ibu berbuat demikian bahkan ibu-ibu sendirilah yang akan membuat keputusan muktamad sama ada hendak mengikut syor itu atau tidak.

Dari segi kemudahan ubat atau alat perancang keluarga, Pusat Kesihatan Besar berkenaan hanya menyediakan dua jenis alat / ubat sahaja iaitu pil kontraseptif (biasanya pil dari jenama 'marvelon') dan sarung 'kondom'. Alat dan ubat tersebut ditekalkan oleh pusat kesihatan berkenaan kepada orang ramai secara percuma. Setakat ini, alat-alat dan ubat-ubat perancang keluarga yang lain belum dapat disediakan memandangkan ada beberapa masalah tertentu. Bagi ibu-

ibu yang mahu menggunakan kaedah kontraseptif moden selain daripada yang disebutkan tadi, mereka kenalah mendapatkannya sendiri di pusat-pusat kesihatan atau hospital-hospital lain yang ada menyediakan berbagai kemudahan perancang keluarga.<sup>3</sup>

Netakaki

1 Temubual penulis dengan Puan Noridah bt. Alias, Jururawat Kesihatan, Pusat Kesihatan Besar Felda Soeharto, Hulu Selangor pada 25. 11. 1989.

2 Ibid.

3 Ibid.

